

BULETIN MDSARATOK

JANUARI -SEPTEMBER 2023



SARATOK KE ARAH PEMBANGUNAN MAMPAN



MALAYSIA
MADANI



Majlis Daerah Saratok



saratokdc.sarawak.gov.my



083 - 436104



083 - 436146

ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI	1
PERUTUSAN Pengerusi	2
PERUTUSAN Setiausaha	3
Pengenalan MDS	4
Visi	4
Misi	4
Pengenalan SDG	5
PERANAN PBT KE ARAH SDG	5 – 7
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI MAJLIS PBT SARAWAK	8
PERHIMPUNAN BULANAN & CERAMAH AADK	9
PROGRAM KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN E-WASTE	10
PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA	11
MINI KARNIVAL SUKAN	12
PENCAPAIAN PINGAT MINI KARNIVAL SUKAN	13
MAJLIS PERHIMPUNAN DAN PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL	14



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT : Tn. Haron Bin Mahidi (Pengerusi Majlis Daerah Saratok)

KETUA PENYELARAS : En. McCrea Joseph Pererra (Setiausaha Majlis Daerah Saratok)

KETUA EDITOR : Pn. Stefanie Anak Seli (Ketua Pegawai Maklumat)

EDITOR : Pn. Dayang Nur Aziemah Binti Awg Jamaludin (Penolong Pegawai Maklumat)

PEREKA GRAFIK : Cik Masderia Nany Anak Angit

JURUFOTO : En. Erwin Anak Senabong / En. Alphonso Bin Mathali / En. Mohammad Haziq Bin Jimminan

SIDANG EDITOR

Pn. Cinderella Anak Deck

En. Syazwan Bin Salleh

Pn. Evelyn Tara Enjop

PENYUMBANG BAHAN

Wakil daripada setiap seksyen

INFO TALIAN BAHAGIAN

01 BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

083-436104

02 BAHAGIAN KEWANGAN

083-436104 ext 113

03 BAHAGIAN PENILAIAN & PENCUKAIAN

083-436104 ext 113

04 BAHAGIAN KEJURUTERAAN

083-436104 ext 106

05 BAHAGIAN PENGUATKUASA

083-436104

06 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

083-436104



Perutusan Pengerusi



Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera

Sekalung tahniah diucapkan kepada sidang redaksi Buletin Majlis Daerah Saratok kerana berjaya menerbitkan majalah ini.

Seiring dengan kepantasan kemajuan teknologi komunikasi telefon pintar , MDS turut tidak ketinggalan beradaptasi bersama arus permodenan. Bagi memudahkan seluruh penduduk Saratok, MDS membuka satu lagi saluran awam dalam melaporkan aduan.

Kini segala aduan boleh disalurkan melalui aplikasi popular Facebook. Dengan wujudnya laman rasmi Facebook ini , MDS sentiasa progresif di dalam memperbaiki perkhidmatan kepada semua pembayar cukai.

Harapan saya ialah untuk memastikan perkhidmatan MDS sentiasa yang terbaik serta merakytakan perkhidmatan Majlis yang cekap seiring dengan perkembangan teknologi menerusi pembangunan secara saksama.

Terima kasih atas sokongan semua

Haron Bin Mahidi

Pengerusi

Majlis Daerah Saratok

Perutusan Setiausaha

Salam Sejahtera dan Salam Sarawakku Sayang, Salam An Honour To Serve. Terima kasih saya ucapkan kerana diberikan kesempatan kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata dalam Buletin Majlis Daerah Saratok Edisi pertama ini. Sepanjang bulan Januari sehingga September, pelbagai aktiviti telah dijalankan dan dimuatkan dalam buletin ini.

Ucapan ribuan terima kasih kepada semua warga kerja MDS atas komitmen menjayakan aktiviti-aktiviti Majlis yang telah dirancang. Kita amat berbangga dengan kerjasama jitu semua kakitangan MDS dan sokongan tidak berbelah bahagi masyarakat setempat yang membolehkan MDS memberikan khidmat terbaik dan berkualiti demi kesejahteraan penduduk sekitar kawasan perkhidmatan.

Akhir kata saya berharap agar Buletin Majlis Daerah Saratok edisi 1 2023 ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Buletin Majlis Daerah Saratok Edisi-1, 2023.

Sekian, terima kasih

McGrea Joseph Pererra

Setiausaha

Majlis Daerah Saratok



Pengenalan

Majlis Daerah Saratok yang ditubuhkan pada tahun 1948 dahulunya dikenali dengan nama Kalaka Mixed Local Authority. Pada tahun 1954 Kalaka Mixed Local Authority telah ditukar kepada Kalaka District Council. Pada tahun 1991 Kalaka District Council sekali lagi ditukar nama kepada Saratok District Council atau Majlis Daerah Saratok yang kekal sehingga hari ini.

Dari tahun 1948 hingga 1953 pejabat majlis menggunakan bangunan lama kerajaan yang terletak di tempat Perpustakaan Awam berada sekarang. Dari 1954 hingga 1961 kami telah berpindah ke bangunan lama Kerajaan yang terletak di tempat Masjid Besar, Saratok sekarang

Pada tahun 1962 Majlis Daerah Saratok mempunyai pejabatnya sendiri dengan kos pembinaannya sebanyak RM 83,000.00. Pejabat ini telah dirasmikan oleh Tuan Residen, Bahagian Kedua, Simanggang Mr. A.J.N. Richards pada awal tahun 1962. Ketika itu bangunan ini agak terencil kerana tiada bangunan lain berada di kawasan tersebut. Tetapi kini lokasi pejabat ini adalah di tengah-tengah Bandar Saratok.

Bangunan Pejabat Majlis diroboh dan dibina semula pada tahun 1991 dengan kos pembinaannya sebanyak RM 960,000.00 dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Pelancongan, Sarawak, Datuk Amar James Wong Kim Min pada 23 Jun 1993.


VISI

**PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI
YANG LESTARI**

MISI

**KAMI KOMITED UNTUK
MEMBANGUN KUALITI HIDUP YANG
LESTARI MELALUI AMALAN
TERBAIK DAN PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN YANG
BERORIENTASIKAN ASPIRASI
RAKYAT**

PENGENALAN SDG



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS




PERANAN PBT KE ARAH SDG

BASMI KEMISKINAN



Membasmi kemiskinan dalam apa-apa bentuk di semua tempat

KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN



Memastikan kesihatan dan kesejahteraan bagi semua umur dipromosikan

PERANAN PBT KE ARAH SDG

AIR BERSIH DAN SANITASI



Menyediakan infrastruktur tandas awam bagi tujuan kemudahan semua golongan masyarakat

TENAGA YANG BERPATUTAN DAN BERSIH



Penggunaan barangan dan peralatan elektrik jimat/cekap tenaga seperti lampu LED dalam pelaksanaan projek

KERJA YANG BAIK DAN PERTUMBUHAN EKONOMI



Menyediakan premis/kemudahan perniagaan yang selesa dan sempurna bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan seterusnya menjana ekonomi masyarakat

INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR



Membangunkan insfrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian yang inklusif dan lestari serta inovasi untuk semua


PERANAN PBT KE ARAH SDG

TINDAKAN IKLIM



Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya

BANDAR DAN KOMUNITI YANG MAMPAN



- Menyediakan infrastruktur asas yang sempurna dan selesa seperti jaringan perhubungan jalan raya, longkang serta perparitan dan pencahayaan jalan yang baik
- Menyediakan kawasan lapang kegunaan awam dan rekreasi seperti dataran kejat, laluan pejalan kaki, laluan basikal
- Menyediakan sistem pengawasan keselamatan seperti CCTV, pembaikan cerun

KEHIDUPAN TANAH



Melindungi, memulihkan dan mempromosi penggunaan ekosistem teresterial yang lestari, pengurusan hutan secara lestari dan menghentikan kehilangan biodiversiti

06 APRIL 2023

MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI-AHLI MAJLIS DAERAH SARATOK BAGI TEMPPOH 01 APRIL 2023 - 31 MAC 2025



Majlis Angkat Sumpah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Daerah Saratok Bagi Tempoh 1 April 2023 -31 Mac 2025 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Perpustakaan Awam Saratok.

Seramai 32 orang Ahli Majlis telah dilantik dan Majlis Angkat Sumpah dimulakan dengan Majlis Angkat Sumpah Tuan Haron Bin Mahidi sebagai Pengerusi Majlis dan diikuti dengan Angkat Sumpah Ahli-Ahli Majlis yang lain.

Majlis ini telah dihadiri dan disaksikan oleh YB Haji Mohamad Bin Duri , YB Friday Anak Belik dan YB Mohd Chee Bin Kadir. Hadir bersama YB Datuk Dr Penguang Anak Manggil , Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan & Kerajaan Tempatan Sarawak.

PERHIMPUNAN BULANAN & CERAMAH AADK

08 JUN 2023



Majlis Daerah Saratok telah mengadakan ceramah Anti-Dadah dan telah dihadiri oleh semua kakitangan . Ceramah ini bertujuan Meningkatkan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat bahawa dadah memudaratkan kesihatan. Penceramah menyampaikan maklumat dan perkembangan terkini mengenai masalah dadah dalam negara. Pihak AADK meminta komitmen dan kerjasama daripada pelbagai agensi dan semua pihak dalam usaha membanteras dadah.



**TAHUKAH ANDA:
ADUAN KEPADA AADK
BOLEH DISALURKAN MELALUI:**

 TALIAN HOTLINE : 03 8911 2233

 WHATSAPP HOTLINE : 019 626 2233

LAMAN WEB
<https://www.adk.gov.my/penguatkuasaan/aduan-permasalahan-dadah/>

FACEBOOK
<https://www.facebook.com/aadkmalaysia>

TWITTER
<https://twitter.com/AADKMalaysia>


INSTAGRAM
<https://www.instagram.com/aadk.malaysia>

PROGRAM KEMPEN PENGUMPULAN BUANGAN E-WASTE ANJURAN MAJLIS DAERAH SARATOK

12 OGOS 2023



Majlis Daerah Saratok telah menjalankan Program Pengumpulan buangan E-waste bertempat di Perkarangan Dewan Terbuka Pantai Tanjung Kembang, Kabong. Kehadiran YB Mohd Chee Kadir, ADUN N.40 Kabong ke program ini telah memeriahkan lagi sambutan majlis ini. Dengan adanya platform ini, masyarakat tidak lagi membuang mesin basuh, peti sejuk, televisyen atau apa-apa sahaja alat elektrik yang rosak ke dalam sungai. Majlis Daerah Saratok menyeru semua warga penduduk daerah Saratok supaya menyokong program ini agar kelestarian alam sekitar dapat dipelihara dan mengurangkan pelupusan sisa di tapak pelupusan sampah.



PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA



04 OGOS 2023

Majlis Daerah Saratok telah mengadakan program Perhimpunan Bulanan & Gotong Royong Perdana bertempat di perkarangan Padang Futsal Majlis. Kehadiran Setiausaha Majlis Daerah Saratok ke program ini telah memeriahkan lagi majlis ini.

Program ini dihadiri kakitangan majlis seramai 60 orang. Tujuan program gotong royong ini adalah untuk membersihkan kawasan depo majlis. Depo ini di bersihkan kerana pihak majlis hendak membuat nurseri Majlis sendiri. Aktiviti sebegini seharusnya dilakukan sebulan sekali sekaligus boleh mengeratkan silaturahim di antara kakitangan Majlis Daerah Saratok.

MINI KARNIVAL SUKAN (ZON SELATAN)

31 OGOS 2023

Sekitar pelepasan kontijen pasukan MDS bagi Kejohanan Badminton, Futsal,Dart,Bola Jaring, Bola Tampar, Tarik Tali dan Sukaneka Mini Karnival Sukan (Zon Selatan) 2023 yang telah disempurnakan oleh Kr Anthony Abell Anak Chendan, Walikota Majlis Daerah Sri Aman. Kejohanan ini berlangsung selama 4 hari mulai 31 Ogos 2023 - 03 September 2023. Kontijen diketuai saudara Mohd. Syazwan Bin Salleh, Pengerusi Kelab MARKAS. Tahniah dan syabas buat pasukan MDS.



Tahniah & Syabas



**Tempat Kedua
Kejohanan Dart
Wanita(Double)**



**Tempat Ketiga
Kejohanan Dart
Wanita(Single)**



**Tempat Ketiga
Kejohanan Dart
Wanita(Double)**

**PENCAPAIAN PINGAT MINI
KARNIVAL SUKAN
(ZON SELATAN)
31 OGOS - 3 SEPTEMBER 2023**



Tempat Kedua Kejohanan Futsal Wanita

"SARAWAK MAKMUR UMMAH SEJAHTERA"

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Betong Tahun 1445H/2023M

28 SEPTEMBER 2023

Sekitar suasana penyertaan kontijen Majlis Daerah Saratok di Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Betong Tahun 1445H/2023M bertemakan "Sarawak Makmur Ummah Sejahtera" yang diadakan di perkarangan Pentas Utama Kalaka. Gabungan kakitangan dari pelbagai peringkat unit bersatu hati dalam satu kontijen di perarakan ini.





MAJLIS DAERAH SARATOK
JALAN ABG ABU TALIP
PETI SURAT NO. 73
95400 , SARATOK



083 - 436104



083 - 436146



saratokdc.sarawak.gov.my



saratodc@sarawak.gov.my